

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 13 JULAI 2020

SOALAN

YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan Kerajaan baru menarik balik pendakwaan Riza Aziz atas 5 tuduhan undang-undang anti penyeludupan wang haram yang melihatkan wang haram lebih kurang USD 248 juta atau RM1.064 bilion.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Peguam Negara melalui Kenyataan Media bertarikh 17 Mei 2020, telahpun menjelaskan mengenai tindakan yang diambil berhubung dengan kes Pendakwa Raya v Riza Shahriz bin Abdul Aziz.

Berdasarkan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, keputusan untuk memulakan, menjalankan, atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan merupakan budi bicara Peguam Negara. Keputusan untuk memohon suatu perintah pelepasan tanpa pembebasan (DNAA) ke atas kelima-lima pertuduhan terhadap Riza Shahriz bin Abdul Aziz dibuat selaras dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan setelah membuat pertimbangan atas perkara-perkara yang berikut:

(a) bahawa pada 18 November 2019, peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz telah menghantar satu surat representasi kepada Jabatan Peguam Negara memohon agar semua pertuduhan terhadap Riza Aziz di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dikaji semula. Surat representasi ini, antara lain, telah mencadangkan agar Riza Aziz—

- (i) menyerahkan haknya ke atas tiga hartanah yang telah disita oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat dan Riza Aziz perlu memberikan kerjasama untuk mengembalikan harta-harta tersebut atau nilainya kepada Kerajaan Malaysia. Hartanah tersebut adalah—
 - a. satu unit banglo di Beverly Hills, California;
 - b. satu unit pangsapuri di New York; dan
 - c. satu unit rumah bandar di London, United Kingdom;
- (ii) bersetuju agar wang yang dirampas daripadanya yang menjadi hal perkara dalam satu kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia; dan
- (iii) membayar sejumlah kompaun selaras dengan peruntukan seksyen 92 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*];

(b) bahawa Peguam Negara pada masa itu, Tan Sri Tommy Thomas, setelah meneliti surat representasi yang dihantar oleh peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz itu, melalui minit bertarikh 19 November 2019 telah memohon pandangan daripada Timbalan Kanan Pendakwa Raya Dato' Seri Gopal Sri Ram dan turut menyatakan berdasarkan cadangan-cadangan yang dinyatakan di atas, beliau bersedia untuk memberikan pertimbangan kepada representasi tersebut;

(c) bahawa Dato' Seri Gopal Sri Ram, setelah berbincang dengan Puan Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada masa itu, telah mencadangkan agar cadangan-cadangan yang dinyatakan dalam

representasi tersebut diterima oleh SPRM. Peguam Negara juga telah dinasihatkan bahawa Tan Sri Tommy Thomas telah secara prinsip bersetuju dengan cadangan tersebut. Ini telah membuka jalan kepada rundingan lanjut dan perancangan mekanisme yang perlu diambil, diadakan;

(d) bahawa pada 11 Mac 2020, peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz telah menghantar satu lagi surat representasi yang mengukuhkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan sebelum ini dan memberikan aku janji bahawa, sekiranya Riza Aziz gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan, kelima-lima pertuduhan pengubahan wang haram yang dikenakan ke atasnya dikekalkan; dan

(e) bahawa pendirian terdahulu Tan Sri Tommy Thomas telah ditaklimatkan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan perkara ini dan Peguam Negara bersependapat dengan pandangan Tan Sri Tommy Thomas sebagaimana yang telah ditaklimatkan itu dan Peguam Negara telah bersetuju untuk menerima tawaran Riza Aziz tertakluk kepada pematuhan yang ketat terhadap semua terma dan syarat.

Sehubungan dengan persetujuan itu, pada 16 April 2020, pihak SPRM telah membalas surat peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz yang secara asasnya menyatakan bahawa Pendakwa Raya bersedia untuk memohon satu perintah pelepasan tanpa pembebasan (DNAA) ke atas kelima-lima pertuduhan tertakluk kepada Riza Aziz mengambil langkah-langkah untuk memastikan semua wang dan harta-harta yang disita dikembalikan kepada Kerajaan Malaysia dan seterusnya membayar kompaun selaras dengan seksyen 92 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*].

Seterusnya, pada 21 April 2020, pihak SPRM telah menulis kepada pihak peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz mengarahkan agar Riza Aziz turut melepaskan hak, hak milik, dan kepentingannya ke atas satu lagi aset yang dikenali sebagai "*Metropolis Poster*" yang

merupakan sebuah poster 3-helai berwarna litograf berbingkai ciptaan seorang pelukis dari Jerman bernama Heinz Schulz-Neudamm untuk filem senyap bertajuk "*Metropolis*" yang telah diterbitkan pada tahun 1927.

Pada 13 Mei 2020, pihak SPRM sekali lagi telah menulis kepada pihak peguam cara kepada Riza Shahriz bin Abdul Aziz mengarahkan Riza Aziz untuk turut memindahkan sejumlah USD14,087,072.76 yang berada di dalam satu akaun *escrow* di Huntington National Bank di Amerika Syarikat kepada Kerajaan Malaysia.

Lanjutan daripada perkiraan ini, Kerajaan Malaysia dijangka akan menerima kembali sejumlah kira-kira USD108 juta (tertakluk kepada harga jualan sebenar aset-aset dan penolakan apa-apa kos) untuk dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Pemulihan Aset 1MDB. Ini adalah tambahan kepada USD57,036,688.68 yang telah dilucuthak sebelum ini pada bulan April 2019 daripada Red Granite Pictures, sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh Riza Aziz, yang dana tersebut dapat dikesan berkaitan dengan 1MDB.

Ditekankan bahawa keputusan untuk memohon perintah pelepasan tanpa pembebasan (DNAA) terhadap Riza Aziz dibuat tertakluk pematuhan Riza Aziz terhadap syarat-syarat yang dikenakan. Keseluruhan perkiraan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan dalam mendapatkan kembali aset-aset berkaitan dengan 1MDB. Rundingan tersebut adalah amat rumit, memerlukan kerjasama erat dengan pihak berkuasa di luar negara, dan masih berterusan.

Sekian, terima kasih.